



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 17 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	LIMA NELAYAN DITAHAN TANGKAP IKAN LEBIH MASA, NEGERI JOHOR, SH -28 23 BOT NELAYAN VIETNAM DITAHAN, NEGERI PAHANG, SH -24 LIMA NELAYAN TANGKAP IKAN LEBIH MASA DITETAPKAN DITAHAN, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	KENYATAAN TAWARAN, KLASSIFIEDS, BH -C39	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6. 7. 8. 9.	TANAM POKOK KEMAYONG SEKITAR RUMAH ELAK MASALAH KEPUPUSAN, NEGARA, KOSMO -18 KERINGAT TANI 15 ANAK SYURGA, LOKAL, HM -19 BOT, EMPAT KRU WARGA THAILAND DITAHAN, NASIONAL, BH -14 EKALAN SAYUR, IKAN TERHAD, NASIONAL, BH -14 KEKURANGAN BARANGAN KEPERLUAN PULIH HARI INI, NASIONAL, BH -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR	26

Lima nelayan ditahan tangkap ikan lebih masa

MERSING - Jabatan Perikanan Johor menahan sebuah bot pukut tunda Zon B selepas didapati tidak mengikut syarat lesen kerana beroperasi melebihi masa dibenarkan di Pantai Tanjung Resang di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Norashah Hashim berkata, bot berkenaan ditahan ketika sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan pada jarak sekitar 9.8 batu nautika dari Pantai Tanjung Resang, jam 1.30 pagi.

Katanya, tangkapan terbabit dilakukan ketika rondaan rutin pematian vesel pantai timur yang dijalankan di perairan Jo-

hor Timur oleh Cawangan Taiman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Johor.

"Hasil rondaan itu, sebuah bot pukut tunda Zon B yang sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan (menunda) ditahan selepas tidak mengikut mengikut syarat sah lesen.

"Tempoh operasi menangkap ikan bagi vesel B pukut tunda adalah pada jam 6 pagi sehingga 7 petang sahaja untuk jarak 5 hingga 12 batu nautika," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Menurut Norashah, bot terbabit mempunyai lima kru term-

suk tekong berusia 54 tahun dan awak-awak berusia 31 hingga 54 tahun serta terdapat hasil tangkapan seperti sotong dan selur kuning.

"Perbuatan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu merupakan kesalahan. Vesel terbabit dan peralatan menangkap ikan telah disita.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985. Nelayan ditingkatkan agar sentiasa mematuhi syarat lesen agar tidak menjejaskan sumber perikanan negara yang perlu diurus secara lestari," katanya.

Bot pukut tunda Zon B ditahan selepas didapati beroperasi lebih masa dibenarkan pada jarak sekitar 9.8 batu nautika dari Pantai Tanjung Resang, Mersing pada Ahad.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	24



FOTO: IHSAN JABATAN PERIKANAN PAHANG

Antara bot nelayan asing yang berjaya ditahan Jabatan Perikanan Pahang tahun ini.

23 bot nelayan Vietnam ditahan

KUANTAN - Jabatan Perikanan Pahang menerusi Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) menahan 23 bot nelayan Vietnam dalam tempoh lima tahun sejak 2016.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, berdasarkan rekod, tahun 2019 mencatatkan penahanan sebanyak 10 buah bot diikuti enam bot (2020), tiga bot (2017) dan masing-masing dua bot (2016 dan 2018).

Menurutnya, dalam tempoh lima bulan tahun ini, dua bot Vietnam ditahan ketika melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di kawasan 51 batu nautika perairan Kuala Pahang. - Pekan.

“Seramai 20 tekong dan awak-awak ditahan semasa menjalankan aktiviti penangkapan,” katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Beliau menjelaskan, jabatan itu sentiasa

menjalankan penguatkuasaan, kawalan dan pengawasan di perairan negeri yang menjadi sasaran pencerobohan nelayan asing.

Katanya, kebanyakan nelayan asing yang ditahan mengaku hasil tangkapan banyak adalah antara faktor mereka sanggup memasuki perairan negeri ini.

“Mereka sebenarnya sudah mengetahui hukuman berat yang bakal diterima sekiranya ditangkap.

“Namun mereka masih berani menanggung risiko dan hanya bergantung sepenuhnya kepada nasib,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berharap nelayan tempatan dapat bekerjasama memberi maklumat pencerobohan nelayan asing khususnya di perairan negeri ini.

Lima nelayan tangkap ikan lebih masa ditetapkan ditahan

MERSING - Kedegilan lima nelayan menangkap ikan melebihi masa ditetapkan mengundang padah apabila mereka ditahan bersama sebuah bot di Pantai Tanjung Resang, di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 1.30 pagi itu, bot nelayan tempatan itu ditahan ketika berada di kedudukan kira-kira 18 kilometer dari pantai berkenaan.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Noralshah Hashim berkata, seorang tekong dan empat awak-awak warga tempatan yang ditahan masing-masing berusia 31 hingga 57 tahun.

"Tangkapan dilakukan ketika rondaan rutin pemantauan vesel pantai timur yang dijalankan di perairan Johor Timur oleh Cawangan Taiman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor.

"Hasil pemeriksaan dan siasatan mendapati sebuah vesel penangkapan ikan zon B yang mempunyai lima orang kru tempatan terdiri dari tekong dan awak-awak telah menjalankan aktiviti menangkap ikan (menunda) pada jarak kira-kira 18 kilometer dari Pantai Tanjung Resang, Mersing pada pukul 1.30 pagi tadi (semalam).

"Tri menjadi kesalahan kerana masa menangkap ikan bagi vesel



SEBUAH bot yang ditahan bersama lima kru oleh Jabatan Perikanan Johor berhampiran Pantai Tanjung Resang, Mersing semalam.

B adalah pada pukul 7 pagi hingga 7 malam sahaja," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Noralshah berkata, perbuatan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel adalah menjadi kesalahan.

Tambahnya, vesel berkenaan telah ditahan bersama peralatan menangkap ikan yang mana kes akan disiasat di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985.

Jelasnya, terdapat hasil tangkapan seperti sotong dan selar

kuning turut disita.

"Jabatan Perikanan Negeri Johor ingin mengingatkan para nelayan agar sentiasa mematuhi syarat lesen agar tidak menjejaskan sumber perikanan negara yang perlu diurus secara lestari.

"Pihak jabatan sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan lagi di perairan Johor bagi memastikan pengurusan sumber perikanan dapat dilestarikan," katanya.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

17/5/2021

BERITA
HARIAN

KLASSIFIEDS

C39



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

(Federal Agricultural Marketing Authority)
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada perunding yang berpengalaman dan berkelayakan serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam bidang yang tersebut di bawah dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :

MAKLUMAT TENDER	HARGA DOKUMEN / TARIKH DOKUMEN DIJUAL / TEMPAT DIJUAL & TARIKH TUTUP	KOD BIDANG	TARIKH PENDAFTARAN TENDER
TAJUK TENDER: PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI KAJAH PENGUNAAN AGROMAKANAN SEGAR DI MALAYSIA (KPSM) PERINGKAT ISI RUMAH, PERTUBUHAN KILANG DAN PERTUBUHAN PERKHIDMATAN HOSPITALITI NO. TENDER: FAMA/KAJAH-PASM/ 02-2021	HARGA DOKUMEN RM 100.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) TARIKH IKLAN 17 Mei 2021 (Isnin) TARIKH DOKUMEN DIJUAL 24 Mei 2021 (Isnin) hingga 7 Jun 2021 (Isnin) TEMPAT DOKUMEN DIJUAL Bank Pusat Khidmat Pelanggan, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Perlaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor	340103 Kajian Ekonomi ARAU 340106 Kajian Pemasaran Dan penyediaan	TARIKH 24 Mei 2021 (Isnin) hingga 26 Mei 2021 (Rabu) MASA 9.00 pagi hingga 4.00 petang TEMPAT Bank Pusat Khidmat Pelanggan, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Perlaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor NO. TEL 03-6126 2020
	TARIKH TUTUP 16 Jun 2021 (Rabu) LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER Peti Tender 1 Bank Pusat Khidmat Pelanggan, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Perlaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor.		*HANYA PENAMA PADA SUIK MOF SAHAJA YANG BOLEH MEMBUAT PENDAFTARAN *SURAT WAJIB KHAS TIDAK DITERIMA *PENDAFTARAN TENDER ADALAH DIRAJAKAN

Dokumen Tender dan keterangan lanjut boleh diperolehi semasa waktu pejabat dan boleh dibeli di Pejabat FAMA seperti yang tertera di atas. Petender yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki menyertakan bayaran dokumen dalam bentuk Wang Tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Cek Persendirian / Wang Pos / Kiriman Pos / Bank Draft tidak diterima.

Sila kemukakan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang asal bersama satu salinan fotokopi dan masih berkuatkuasa semasa menghadiri pendaftaran tender dan pembelian dokumen tender.

Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (gam) dan bertanda No. Tender yang berkenaan di sebelah kiri sampul surat. Dokumen Tender ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender 1 di Bilik Pusat Khidmat Pelanggan, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Perlaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor pada 16 Jun 2021 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari (mengikut jam di Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA).

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tidak terikat untuk menerima tawaran tender terendah atau mana-mana tawaran. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan. Syarikat yang tidak dihubungi 6 bulan selepas tarikh tutup dianggap tidak berjaya.

Perunding hendaklah sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 semasa urusan berkaitan tender ini.

Iklan ini juga boleh dilihat di www.fama.gov.my.

Tanam pokok kemoyang sekitar rumah elak masalah kepupusan

HULU TERENGGANU - Seorang lelaki warga emas kini boleh mengukir senyuman selepas usanya pada 30 tahun lalu dengan menanam pokok kemoyang bagi mengelakkan spesies keladi itu pupus telah membuahakan hasil.

Hadillah Salleh, 60, berkata, bea masa ini, lebih 300 batang pokok kemoyang atau nama saintifiknya *Homalomena sagittifolia* hidup subur di kawasan lembah di sekitar rumahnya.

"Pada zaman dahulu, pokok kemoyang ini banyak tumbuh meliar di kawasan kampung tetapi hampir pupus selepas banyak tanah ditebus guna untuk membina rumah.

"Saya tergerak hati mengambili benih pokok ini dari kebun mentua di Kampung Tok Bintang di sini untuk membiarknya di kawasan rumah saya sejak 30 tahun lalu," katanya ketika ditemui Kosmo! di rumahnya di Kampung Tanjung Putat di sini semalam.

Datuk kepada dua cucu itu berkata, walaupun usaha itu pada mulanya dipandang sinis segelintir pihak, kewajaran tindakannya mula disedari selepas tiga dekad.

Hadillah memberitahu, pokok kemoyang itu bukan sahaja menjadi perhatian masyarakat terutama generasi muda, malah turut



HADILLAH melihat keadaan pokok kemoyang yang tubuh subur di sekitar rumahnya di Kampung Tanjung Putat, Hulu Terengganu semalam.

memberi pendapatan sampingan kepadanya.

"Selain batangnya sedap untuk masakan, pokok kemoyang juga mempunyai khasiat dalam perubatan Melayu tradisional.

"Daunnya dijadikan pembalut tungku, manakala air rebusan isinya boleh mengembalikan cergasan diri dan mengecutkan rahim ibu yang baru bersalin. Ia digunakan untuk mengubati demam panas," katanya.

Hadillah berkata, dia mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai yang mahu membeli bahagian pokok kemoyang yang ditanamnya untuk dijadikan ubat tradisional.

Berkongsi cara tanaman penjagaan pokok kemoyang, dia memberitahu, pucuk pertama yang tumbuh perlu dipetik segera sebelum bertukar menjadi daun, manakala daun yang tua perlu dicantas sebelum gugur.

Keringat tani 15 anak syurga

Remaja sindrom Down kuasai kemahiran keusahawanan tanaman cendawan

Iskandar Poteri

Hasil bimbingan dan tunjuk ajar, sekumpulan remaja sindrom Down mampu menjual 600 kilogram (kg) cendawan kelabu dalam tempoh setiap tiga bulan bagi menampung keperluan pasangan tempat.

Pengurus Projek Persatuan Sindrom Down Negeri Johor (FSDNJ), Mohd Fizal Osman berkata, kumpulan remaja terbabit berjaya menguasai kemahiran keusahawanan tanaman cendawan di Career Centre For Down Syndrome (CCENDS) di Taman Bukit Indah di sini.

Menurutnya, menerusi latihan yang ditawarkan itu, peserta didedahkan dengan ilmu peniagaan bongkah cendawan tiram dari peringkat awal sehingga memasarkannya.

Katanya, penyertaan dalam aktiviti berkenaan mampu meningkatkan ke-mahiran menjaga tanaman cendawan, mengira, membina dan membungkus dalam kalangan peserta.

Menurutnya, program itu

dimulakan pada September 2020 selepas persatuan itu memperoleh dana daripada Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (Iwda) di bawah program Dana Perbdayaan Belia Iskandar Malaysia (IMPowar).

"Kami bermula dengan 1,500 bongkah cendawan dan kini ditambah kepada 3,000 unit yang menyaksikan hasil dijual mencecah 600 kilogram dalam tempoh tiga bulan.

"Setiap kilogram dijual pada harga RMI16 dan kebiasaannya permintaan melebihi penawaran," katanya.

Mohd Fizal berkata, projek berkenaan bukan semata-mata mahu menjana keuntungan sebaliknya untuk memberi manfaat kepada kanak-kanak sindrom Down itu dari aspek kemandirian bertani dan juga berniaga selain membantu ke-langsungan hidup mereka.

Menurutnya, perobahan mereka juga memberi peluang kepada memajukan pendapatan persatuan untuk menajayakan pelbagai



MOHD FIZAL membantu sekumpulan remaja sindrom Down dengan kecahah penubungusan cendawan.

aktiviti membabitkan golongan sindrom Down.

Katanya, daripada segi penghayatan golongan itu, mereka menjadi lebih ber-dikari, mampu mengikut arahan serta bekerja dalam kumpulan selepas meneri-

ma bimbingan menerusi program berkenaan.

"Kebiasaannya rak itu di-kendalikan seorang guru, bersama dengan seorang pegawai dan lima anak."

"Kami juga membantu menyediakan bongkah dan dari segi mengawal suhu bi-

lik, menuai, mengemas, melabel dan membersihkan rak," katanya.

Mohd Fizal berkata, pihaknya merancang menyediahkan hingga 10,000 bongkah dan membina rumah cendawan baru bagi menampung permintaan.

Menurutnya, pada masa kini 15 peserta mengikuti latihan ini dan kapasiti kami adalah 35 peserta.

Katanya, baru-baru ini pihaknya juga menerima dana sejumlah RM28,400 daripada Perbadanan Usahawan Johor (PUJB) dan ber-cadang menggunakannya bagi menambah peralatan bagi membangunkan perusahan berkenaan.

"Kebiasaannya kami menerima tempahan dalam ta-hap termasuk hasil per-kongsian maklumat di media sosial.

"Kami bersyukur kerana produk dihasilkan kumpulan anak syurga ini semakin menerima sambutan dan diharapkan menerusi inisiatif dijalankan, golongan berke-naan juga mampu menjadi insan berjaya," katanya.

Bot, empat kru warga Thailand ditahan

Lumut: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sebuah bot nelayan tempatan bersama empat kru warga Thailand kerana melanggar syarat sah lesen, dalam kejadian di kedudukan 7.7 batu nautika timur laut Pulau Jarak, di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Malaysia Perak, Kepten Maritim Shahrihan Raman, berkata bot kelas C itu ditahan anggota Kapal Maritim (KM) Malawali pada jam 2.40 petang ketika penugasan operasi di sekitar perairan itu.

Bellau berkata, ketika ditahan pihak berkuasa, bot berkenaan sedang melakukan aktiviti perikanan berhampiran Pulau Jarak dengan menggunakan pukot tunda. "Pemeriksaan mendapati bot itu dikendalikan empat kru warga Thailand termasuk tekong berusia antara 35 hingga 44 tahun dan mereka mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot berkenaan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan kurang daripada 12 batu nautika seperti kebenaran syarat sah lesen," katanya dalam kenyataan, semalam.

Shahrihan berkata, bot bersama kru dan hasil tangkapan pelbagai jenis ikan kira-kira 300 kilogram dibawa ke Pusat Tahanan Vesel (PTV) Kampung Bharu, Sitawani untuk tindakan lanjut.

Pasar Borong Kuala Lumpur tutup

Bekalan sayur, ikan terhad

Peniaga sukar dapatkan barangan basah, dakwa harga naik

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my

Bangi: Penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur akibat penularan COVID-19 di kawasan berkenaan menyebabkan ramai peniaga berdepan masalah mendapatkan ikan dan sayur-sayuran berikutan bekalan terhad.

Peniaga ikan, R Mageswari, 47, berkata dia sukar mendapatkan bekalan ikan susulan penutupan pasar borong berkenaan.

"Ketika ini, saya mendapatkan bekalan ikan dan makanan laut lain dari Pasar Borong Selayang, selain pembekal dari Kuantan, Pahang. Bagaimanapun, jumlah bekalan diperoleh hanya cukup untuk menampung pelanggan yang datang pada hari ini (semalam).

"Malah, ada juga harga ikan dan makanan laut yang naik sedikit. Udang yang biasanya dibeli pada harga antara RM35 hingga RM38 sekilogram naik RM2 kepada RM40 sekilogram," katanya



Bekalan makanan laut didapati berkurangan ketika tinjauan di Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam.

(Foto Aziah Azmee /BH)

ketika ditemui di Pasar Bandar Baru Bangi, semalam.

Bagi peniaga sayur, Fuziah Kamarulzaman, 49, dia terpaksa keluar lebih awal dari rumah untuk ke Pasar Borong Selayang bagi mendapatkan bekalan, iaitu kira-kira jam 1 pagi kerana bimbang kehabisan bekalan di pasar borong berkenaan.

"Sekarang susah mencari bekalan sayur, menyebabkan saya perlu ke pasar borong berkenaan lebih awal setiap hari. Malah, ada

seayur yang naik harga seperti sawi bunga yang sebelum ini dijual RM10 sekilogram, naik kepada RM15 sekilogram dan harga serai naik mendadak daripada RM15 kepada RM35 sekilogram," katanya.

Pengunjung Pasar Bandar Baru Bangi, Matsum Mohd Rafiq, 59, berkata dia tidak berdepan masalah mencari sayur atau ikan kerana sudah ada peniaga membuka perniagaan sendiri.

"Apa yang saya nampak, be-

kalan itu ada kerana ramai peniaga sudah mula beroperasi meskipun jumlah pelanggan tidak begitu ramai. Malah, harga ditawarkan di pasar ini tidak banyak beza dengan harga pada Ramadan lalu," katanya yang juga seorang suri rumah.

Sebelum ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memutuskan untuk menutup operasi di bahagian ikan Pasar Borong Kuala Lumpur bermula 9 Mei lalu hingga semalam.

Kekurangan barangan keperluan pulih hari ini

Kuala Lumpur: Kekurangan bekalan ikan dan sayuran memabatkan peniaga kecil berikutan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur ekoran penularan COVID-19 dijangka pulih bermula hari ini.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam, berkata tinjauan pagi semalam mendapati peniaga kecil yang mendapatkan bekalan ikan dari pasar borong terbabit mengalami sedikit gangguan bekalan.

Katanya, ia antara lain disebabkan penutupan pasar borong itu, selain operasi perniagaan di pasar borong lain masih belum dibuka sepenuhnya ekoran cuti raya.

"Kita jangka bekalan akan mula kembali normal esok (hari ini) selepas Pasar Borong Kuala Lumpur dibuka kembali," katanya ketika dihubungi sualulan keluhan peniaga kecil yang mendakwa terputus bekalan ikan

dan sayuran.

Mengulas lanjut, Azman berkata, tinjauan penguat kuasa KPDNHEP semalam di pasar borong lain dan pasar raya di sekitar Kuala Lumpur serta Selangor, mendapati bekalan ikan, ayam, daging dan sayuran masih mencukupi.

Katanya, harga dijual juga masih di bawah kawalan biarpun ada bekalan seperti ayam dan daging mendapat permintaan tinggi pada musim perayaan.

"Tinjauan pagi tadi (semalam) di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan dan Pasar Borong Selayang serta pasar raya besar, bekalan secara keseluruhannya masih mencukupi. Ada peniaga masih bercuti dan menutup operasi perniagaan menyebabkan bekalan kepada peniaga kecil terganggu.

"Bagi peniaga yang mendapatkan bekalan secara terus dengan pembekalnya, bekalan mereka masih mencukupi dan tiada masalah," katanya.

Azman berkata, selain memantau bekalan keperluan harian, pihaknya juga menjalankan penguatkuasaan terhadap pematuan prosedur operasi standard (SOP) di semua pasar borong dan pasar raya.

Orang ramai boleh membuat aduan menerusi portal e-aduan KPDNHEP; Call Centre 1-800-886-800;

e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my; Ez ADU KPDNHEP; Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245 atau WhatsApp kepada 019-279 4317, berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian itu secara rasmi.

Sementara itu, Setiausaha Perhubungan Komuniti Agro Hulu Selangor, Ramli Mohd Nasir, berkata kerajaan seharusnya mempunyai pelan B termasuk membenarkan pekebun memasarkan produk mereka ke Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) jika membuat keputusan menutup mana-mana pasar borong utama di negara ini.

Bellau berkata, penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur menjadikan pekebun hilang arah dan mengalami kerugian kerana tidak dapat memasarkan produk mereka.

Katanya, pihaknya sendiri kehilangan hasil lebih RM10,000 dalam tempoh seminggu akibat penutupan pasar borong itu kerana tidak dapat memasarkan produknya termasuk sawi, cili, bayam dan terung.

"Kerajaan menggalakkan rakyat mengusahakan kebun, tetapi apabila isu seperti ini berlaku, pekebun terpaksa menanggung kesannya.

"Saya sendiri dihubungi rakan

pekebun lain yang meminta bantuan menampung bekalan sebab tiada tempat dipasarkan akibat penutupan pasar terbabit," katanya ketika dihubungi BH.

Pengurus Besar SC Agro & Plantation, Nazmi Che Yahya@Salleh, 42, yang juga pengusaha tanaman cili dan timun, pula berkata penutupan pasar borong terbabit, menyebabkan pihaknya heralih kepada pembedaan di pasar Kelantan.

Bagaimanapun, katanya, pasaran di Kelantan adalah lebih kecil, selain terpaksa bersaing dengan produk khususnya cili dari Thailand.

"Kita hantar bekalan ke Pasar Borong Kuala Lumpur antara 300 hingga 400 kilogram (kg), namun sepanjang penutupan pasar itu, saya hanya mampu pasarkan 40kg di Kelantan.

"Saya terpaksa mengeluarkan separuh daripada kos operasi yang biasanya mencecah RM40,000 sebelum menggunakan duit sendiri kerana kehilangan hasil," katanya.



Azman Adam